

POLISI WHISTLEBLOWING JKR

PENGENALAN

1. Polisi Whistleblowing JKR merupakan salah satu elemen penting yang menerangkan proses pelaksanaan penerimaan aduan, penyiasatan, penyediaan laporan dan tindakan yang akan diambil ke atas mana-mana warga JKR yang terlibat dengan aduan integriti.
2. Pelaksanaan polisi ini adalah sebagai langkah memerangi sikap salah laku serta ketidakpatuhan warga JKR kepada undang-undang atau kod etika atau pekeliling atau suatu kontrak kerja mengikut mana-mana yang berkenaan.

OBJEKTIF

1. Menyediakan maklumat kepada umum untuk menyalurkan aduan mengenai salah laku warga JKR.
2. Menyediakan panduan tindakan yang diambil ke atas aduan-aduan berkaitan salahlaku dan integriti.
3. Memberi peluang kepada warga JKR dan orang awam melaporkan sebarang perbuatan salah laku yang menyalahi etika/integriti melibatkan warga JKR.

KERAHSIAAN

Segala aduan/maklumat yang disalurkan akan dirahsiakan serta tidak didedahkan/dibincangkan kepada Pihak Ketiga kecuali kepada individu atau Jawatankuasa yang telah dilantik oleh Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR).

TADBIR URUS ADUAN INTEGRITI

Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras : Pengarah CDPK
Tindakan Ke Atas Kes-Kes Aduan JKR
(JKTA) dan Polisi Whistleblowing JKR

Pengurus Integriti : Ketua Bahagian Integriti

Unit Pengurusan Aduan (UPA), Bahagian Integriti CDPK

Unit Pengesahan dan Pengesahan (UPP) (Seksyen Siasatan),
Bahagian Integriti CDPK

SALURAN ADUAN SALAHLAKU JKR

Sekiranya anda mempunyai maklumat mengenai sebarang perbuatan salah laku yang menyalahi etika/integriti melibatkan warga JKR, sila hubungi kami melalui mana-mana saluran di bawah:

1. Melalui talian: **+603-2618 8615/8740/8737**
2. Melalui e-mel: **aduan_integriti@jkr.gov.my**
3. Melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Jabatan Kerja Raya Malaysia: **jkr.spab.gov.my**
4. Menulis surat rasmi lengkap dengan nama, alamat dan no. telefon pengadu dan hantarkan kepada alamat berikut (Catatkan "SULIT" dan "Untuk dibuka oleh penerima sahaja" di sampul surat):

BAHAGIAN INTEGRITI

Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat
Tingkat 32, Menara Kerja Raya (Blok G)
Jalan Sultan Salahuddin
50480, Kuala Lumpur

5. Hadir sendiri ke Pejabat Bahagian Integriti. Pengadu yang hadir akan diberi Borang Aduan untuk diisi dan dilengkapkan. Antara maklumat yang perlu dilengkapkan adalah nama Pengadu, nama Pegawai Yang Diadu (PYD), dan butiran serta jenis kesalahan yang diadukan.

MAKLUMAT ADUAN

Pastikan aduan anda dinyatakan dengan jelas, tidak terlalu umum dan mempunyai maklumat seperti berikut:

- | | |
|-------------------------------|------------------------------|
| i. Siapa (<i>Who</i>) | iv. Apa (<i>What</i>) |
| ii. Bila (<i>When</i>) | v. Kenapa (<i>Why</i>) |
| iii. Di mana (<i>Where</i>) | vi. Bagaimana (<i>How</i>) |

Sekiranya aduan yang diterima berbentuk **surat layang tetapi mempunyai fakta dan maklumat yang berbasas**, Bahagian Integriti berhak untuk memutuskan sama ada siasatan diteruskan terhadap aduan atau pun tidak.

Bahagian Integriti juga berhak untuk tidak mengambil tindakan terhadap aduan yang berbentuk **ugutan, ancaman, fitnah, cacian atau mengandungi kata-kata yang tidak sopan**.

Jika terdapat situasi/keadaan di mana aduan di tarik balik oleh pengadu, Bahagian Integriti berhak menentukan sama ada siasatan perlu diteruskan terhadap aduan atau pun tidak



POLISI WHISTLEBLOWING JKR

EDISI 2022



CARTA ASAS

PENGURUSAN ADUAN DAN SIASATAN

Sumber dan Saluran Aduan:

- Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
 - Jabatan Kerja Raya Malaysia
 - Agenzia dijabatan kerajaan
 - Panggilan telefon
 - Media elektronik
 - Media sosial (*Facebook, WhatsApp* dll)
- Surat
 - E-mel
 - Media cetak

Penerima Aduan:

- Pegawai Penyelaras Aduan (PPA)
- Pengurusan Atasan JKR
- Pejabat Menteri/KSU KKR
- Ketua Unit Integriti KKR
- Ketua Bahagian Integriti JKR

Maklumat diterima:

Menjalankan tugas pengesanan dan pengesahan bagi mendapatkan maklumat awal

Unit Pengurusan Aduan membentangkan maklumat aduan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM)

Aduan difaikkan dan dikategorikan sebagai
No Further Action (NFA)

Daftar aduan dalam Pangkalan Data dan Fail Siasatan dibuka

Tidak
Aduan perlu disiasat
Ya
Pegawai Penyelaras Aduan, PPA

